

# Sekalipun kerajaan banyak capai kejayaan - PM Melayu masih jauh ketinggalan di bidang pelajaran dan ekonomi

U.M. 28 JUN 1989

**K**UALA LUMPUR 27 Jun — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, masyarakat Melayu di negara ini masih jauh ketinggalan dalam bidang pelajaran dan ekonomi sekalipun kerajaan telah banyak mencapai kejayaan dalam usaha memperbaiki taraf hidup mereka.

Katanya, orang Melayu tidak harus berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai sebaliknya hendaklah menggembleng tenaga demi mencapai cita-cita murni untuk bangsa dan negara.

"Golongan cendekiawan Melayu boleh memainkan peranan penting untuk memajukan bangsa mereka dengan menyalurkan buah fikiran yang bernas," tegas Perdana Menteri dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata Kongres Cendekiawan Melayu Ke-2 yang dikeluarkan hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin dengan kesedaran dan rasa insaf di samping usaha gigih daripada semua orang Melayu matlamat untuk melihat bangsa Melayu menjadi bangsa yang maju akan tercapai.

Kongres Cendekiawan Melayu Ke-2 akan berlangsung di Dewan Kuliah

Utama, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan di balai seminar Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selama dua hari bermula pada 1 Julai ini.

Setiausaha kongres Profesor Madya Dr. Wan Hashim Haji Wan Teh ketika ditemui berkata, matlamat utama diadakan kongres ini ialah untuk menyalurkan pendapat, pandangan dan buah fikiran bagi meningkat dan memajukan taraf hidup Melayu kepada kepimpinan kerajaan masa kini.

Beliau berkata, antara isu yang akan dibincangkan ialah mengenai Ekonomi Bumiputera Dalam Dasawarsa 1990-an, bahasa Melayu, kebudayaan dan politik serta pendidikan.

Bagaimanapun, kata Prof. Madya Dr. Wan Hashim lagi, kongres yang bertemakan 'Memasuki Dasawarsa 90-an' lebih banyak menekankan mengenai Dasar Ekonomi Baru dan pencapaiannya.

Selepas kongres ini, resolusi itu akan diserahkan kepada Majlis Tertinggi UMNO untuk dikaji dan diteliti sebelum sesuatu tindakan diambil, katanya.

"Kami juga bercadang mengadakan Seminar Pos-Kongres secara kecil-ke-

cilan untuk membincangkan persoalan tertentu yang lebih khusus dan mendalam," ujarnya.

Sebanyak dua belas pertubuhan Melayu di negara ini bersetuju menjadi badan penganjur kongres tersebut yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad manakala upacara penutup akan dilakukan oleh Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim.

Sementara itu, Encik Anwar Ibrahim dalam kata-kata aluannya memuji badan penganjur Kongres Cendekiawan Melayu kerana banyak memainkan peranan menentukan haluan orang Melayu dan sekaligus membuktikan kepekaan terhadap kepimpinan masa kini.

Encik Anwar yakin, kongres tersebut akan menjadi 'pentas' dalam menyuarakan pandangan yang lahir dari orang Melayu di samping memberi kesempatan kepada para cendekiawan Melayu menggembleng daya fikir untuk mencari penyelesaian terhadap persoalan yang dihadapi oleh orang Melayu itu sendiri.